TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : CADANGAN NCI BANTU KENAL PASTI JURANG KEMAHIRAN - ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 27 OKTOBER 2026

Cadangan NCI Bantu Kenal Pasti Jurang Kemahiran - Zahid

27/10/2026 04:26 PM



Kredit: Laman Facebook Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Cadangan mewujudkan Indeks Kompetensi Nasional (NCI) bagi mengenal pasti jurang kemahiran tenaga kerja dan memastikan latihan dilaksanakan selaras dengan keperluan industri antara fokus Mesyuarat Majlis TVET Negara hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata indeks itu dicadangkan sebagai instrumen untuk memahami tahap kompetensi tenaga kerja.

Beliau berkata pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) 2.0 bagi tempoh 2026 hingga 2035 turut diberi perhatian dalam mesyuarat yang berlangsung di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

"Majlis TVET Negara terus menjadi antara platform utama yang menggerakkan dan menyelaras hala tuju TVET nasional supaya segala usaha pembangunan kemahiran benar-benar bergerak seiring dengan keperluan industri dan masa hadapan negara," katanya menerusi hantaran Facebook, hari ini.

Ahmad Zahid berkata kerajaan mahu TVET terus berkembang sebagai pilihan utama kerjaya serta melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing.

Beliau berkata tenaga kerja itu juga perlu bersedia menghadapi perubahan teknologi dan ekonomi pada masa hadapan.

-- BERNAMA